


# **DASAR DAN GARIS PANDUAN NOMBOR PENGELASAN DAN PENYERAHAN TERBITAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



**INSTITUT KESIHATAN NEGARA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
2023**

# **DASAR NOMBOR PENGELASAN DAN PENYERAHAN TERBITAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

## **1. PENGENALAN**

Dasar Nombor Pengelasan dan Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai ‘Dasar ini’) bertujuan:

- 1.1 Memastikan semua bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memohon nombor pengelasan dan menyerahkan bahan terbitan berkenaan kepada Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH), Institut Kesihatan Negara sebagai Pusat Penyerahan Terbitan KKM.
- 1.2 Memantapkan fungsi Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) sebagai pusat perolehan, pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan, rujukan dan penyebaran perkhidmatan maklumat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta memartabatkan karya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ke peringkat global melalui fizikal atau secara capaian dalam talian.

## **2. KENYATAAN DASAR**

Dasar ini digubal bagi memastikan semua bahan terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dapat diberikan nombor pengelasan yang standard dan bahan terbitan berkenaan diserahkan bagi tujuan khazanah intelek perubatan dan kesihatan.

## **3. SKOP PEMAKAIAN**

Dasar ini terpakai ke atas semua bahan terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dihasilkan oleh pegawai, staf dan penyelidik KKM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penulisan, penyelidikan dan inovasi, yang mana hak dan/atau kepentingan ke atas terbitan tersebut dibiayai atau didanai/dimiliki oleh KKM di bawah dasar ini. Selain itu, dasar ini dapat dijadikan garis panduan untuk merancang proses perolehan, penerimaan, pendigitalan, muatnaik, dan memelihara bahan terbitan KKM sebagai koleksi khazanah intelek KKM dan Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) (selepas ini dikenali sebagai Pusat Penyerahan Terbitan KKM).

#### **4. UNDANG-UNDANG, DASAR DAN PEKELILING BERKAITAN**

- 4.1 Dasar ini digubal selaras dengan peruntukan undang-undang bertulis berkaitan Harta Intelek khususnya Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332), Akta Paten 1983 (Akta 291), Akta Cap Dagangan 1976 (Akta 175), dan undang-undang tidak bertulis berkaitan rahsia perdagangan dan maklumat sulit di Malaysia. Selain itu, Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Akta 80) turut dijadikan rujukan.
- 4.2 Dasar peringkat kebangsaan khususnya Dasar Harta Intelek Negara (2007) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan turut dijadikan rujukan dalam penggubalan dasar ini.
- 4.3 Selain itu, dasar ini turut digubal dengan mengambil kira dasar-dasar yang berkaitan di KKM.
- 4.4 Pekeliling berkaitan :  
**Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan, Bilangan 2 Tahun 1992 dan Bilangan 3 Tahun 1996:**  
Penyeragaman Terma Rujukan Institusi bagi Hasil Penyelidikan / Penerbitan Kementerian Kesihatan Malaysia yang turut menyebut tentang pemberian Nombor Pengelasan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam proses penerbitan agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan penyerahan hasil penyelidikan ke Perpustakaan IMR turut dijadikan garis panduan.

#### **5. TAKRIFAN**

- 5.1 **Bahan Terbitan** – Bermaksud bahan yang diterbitkan oleh semua bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang layak mendapat perlindungan dan/atau telah mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang- undang harta intelek sama ada dalam bentuk fizikal atau digital.
- 5.2 **Bahan Perpustakaan** – Bermaksud bahan perpustakaan yang terdiri dari bahan bercetak (termasuk buku, terbitan bersiri, peta, carta dan poster) dan bahan bukan bercetak (termasuk filem sinematograf, mikroform, piring hitam, rakaman video dan audio dan media elektronik yang lain).
- 5.3 **Pengelasan Terbitan** – Bermaksud satu proses untuk mengorganisasikan bahan terbitan mengikut bidang, perkara dan topik di mana Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) dilantik sebagai Pusat Nombor Pengelasan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia.

- 5.4 **Serahan Terbitan KKM** – Bermaksud semua bahan terbitan yang dikeluarkan oleh bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu diserahkan kepada Perpustakaan NIH, Institut Kesihatan Negara di mana Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) dilantik sebagai Pusat Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 5.5 **Koleksi Harta Intelek KKM** - Bermaksud bahan yang dihasilkan / diterbitkan oleh bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan diserahkan kepada Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH), Institut Kesihatan Negara sebagai Pusat Penyerahan Terbitan KKM.
- 5.6 **Koleksi Digital** – Merupakan koleksi perpustakaan atau bahan yang asalnya dalam format digital atau salinan lembut yang ditukar kepada format yang boleh dibaca oleh mesin (*machine-readable format*) untuk tujuan pemeliharaan dan penyediaan atau penyebaran perkhidmatan maklumat secara capaian atas talian atau elektronik.
- 5.7 **Pencipta** – Bermaksud warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menghasilkan Harta Intelek KKM. Juga merujuk kepada seseorang yang mana ciptaannya layak mendapat perlindungan dan/atau telah mendapat perlindungan di bawah Akta Paten 1983 atau mana-mana undang-undang yang seumpamanya di dalam atau di luar Malaysia.
- 5.8 **Pendigitalan** - Bermaksud proses menukar format sumber ilmu dan maklumat dalam bentuk bercetak / analog (sama ada teks, audio, video, grafik, dsb.), atau bahan yang asalnya dalam format salinan lembut kepada bentuk digital supaya ianya dapat disimpan, mudah dikesan atau didapatkan semula dan diedarkan secara elektronik atau capaian atas talian.
- 5.9 **Penyerahan Hak** – Bermaksud memindahkan hak milik secara penuh dan mutlak ke atas sesuatu Harta Intelek.
- 5.10 **Bahagian/jabatan/agensi/institusi KKM** – Bermaksud bahagian/jabatan/agensi/institusi yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan termasuk juga penerima serah hak serta agen atau staf yang dilantik/diberi kuasa untuk mewakili/bertindak bagi pihaknya.
- 5.11 **Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH)** – Bermaksud perpustakaan yang berada di bawah seliaan Pejabat Pengurus NIH, Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia.

- 5.12 **Repositori KKM** - Bermaksud pusat mengumpul, memproses teknikal, menyimpan dan menyebarkan maklumat Harta Intelek bahan terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang ditukar formatnya sebagai koleksi digital, yang boleh diakses secara elektronik atau capaian atas talian. Di samping itu, ia juga merupakan pusat menyimpan, memelihara dan menyelenggara Harta Intelek warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam bentuk salinan keras atau bahan yang asalnya diterima dalam bentuk salinan lembut.
- 5.13 **Akses Terbuka** – Merupakan capaian atas talian secara percuma kepada bahan berbentuk elektronik atau digital, boleh dimuat turun, disebar, dicetak, serta diakses semula dengan lebih mudah, cepat dan tepat tanpa batasan kewangan, perundangan atau teknikal.

## 6. OBJEKTIF

Dasar ini akan dilaksanakan bagi memastikan seperti berikut:

- 6.1 Semua bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membuat permohonan Nombor Pengelasan sebelum menerbitkan sesuatu bahan.
- 6.2 Semua bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyerahkan bahan terbitan ciptaan mereka kepada Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) sebagai Pusat Penyerahan Terbitan KKM.
- 6.3 Memantapkan fungsi Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) sebagai pusat perolehan, pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan, rujukan dan penyebaran perkhidmatan maklumat KKM bagi memartabatkan setiap karya di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ke peringkat global melalui fizikal atau secara capaian dalam talian.
- 6.4 Menjadikan Pusat Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai sumber rujukan khazanah negara dalam bidang bioperubatan di Malaysia.

## 7. STRATEGI

- 7.1 Memperkuuhkan koleksi terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam bidang perubatan dan kesihatan pelbagai yang bercorak keilmuan dan penyelidikan dalam pelbagai format sama ada bercetak atau digital.

- 7.2 Membuat promosi di semua bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menggalakan rujukan dan penyelidikan.
- 7.3 Mempertingkatkan perkhidmatan rujukan dan penyelidikan melalui pengelasan yang sistematis dan teratur.
- 7.4 Mengadakan kerjasama dengan Perpustakaan Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia dan semua perpustakaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengesan bahan terbitan di semua bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 7.5 Menganjurkan pengurniaan anugerah penerbitan KKM kepada bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai penulis/penerbit yang menepati kriteria yang ditetapkan.

## 8. AKTIVITI

- 8.1 Melaksanakan pengelasan bahan terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan sistematis dan teratur bagi memudahkan dapatkan semula bahan.
- 8.2 Membuat pengesanan bahan terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah diberikan nombor pengelasan bagi memastikan semua terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diserahkan kepada Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) sebagai simpanan di Pusat Repositori KKM.
- 8.3 Mewujudkan Pusat Repositori KKM sebagai satu tempat penyimpanan yang kondusif dan selamat untuk bahan terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang diserahkan.
- 8.4 Mempertingkatkan perkhidmatan rujukan bahan yang ingin dirujuk oleh pengguna dengan memantapkan pengelasan secara sistematis dan teratur.
- 8.5 Menjalankan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan bagi semua bahan terbitan yang diserahkan agar bahan sentiasa dalam keadaan sempurna untuk dirujuk.
- 8.6 Membuat pendigitalan untuk pemuliharaan di mana Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) berhak untuk menukar format bahan terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tujuan

pemeliharaan/pemuliharaan tanpa memerlukan persetujuan dari bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai penulis/penerbit.

- 8.7 Mempromosikan semua bahan yang diserahkan untuk lebih dikenali sebagai rujukan bagi mereka yang memerlukan.
- 8.8 Mengiatkan aktiviti promosi bagi mewujudkan kesedaran bagi semua penerbit di bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membuat permohonan kepada Nombor Pengelasan sebelum membuat sebarang penerbitan bahan.

## **9. TANGGUNGJAWAB KETUA SEKTOR SUMBER MAKLUMAT PENYELIDIKAN**

- 9.1 Ketua Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) adalah pengawal ke atas Pusat Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pusat Repotori KKM.
- 9.2 Ketua Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) bertanggungjawab memastikan NIH menyediakan ruang yang mencukupi untuk penyimpanan bahan asal dalam bentuk salinan keras dan menyediakan peralatan/perkakasan, dan perisian bagi penyimpanan bahan dalam bentuk salinan lembut mengikut perkembangan pembangunan bahan dari semasa ke semasa.
- 9.3 Ketua Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) bertanggungjawab dalam penerimaan bahan terbitan dan Harta Intelek Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 9.4 Ketua Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) bertanggungjawab memastikan bahan Harta Intelek Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dimuatnaik ke dalam Sistem Repotori untuk tujuan capaian secara atas talian atau elektronik bagi membantu penarafan bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui ketampakan (visibility), kepelbagaian akses (presence), keterbukaan (openness), dan kecemerlangan (excellence).
- 9.5 Ketua Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) bertanggungjawab memastikan capaian bahan Harta Intelek adalah secara konsep akses terbuka (open access).
- 9.6 Ketua Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) bertanggungjawab memastikan salinan asal bahan Harta Intelek bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) yang diterima disimpan di Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) sebagai Pusat Repositori KKM.

- 9.7 Ketua Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) bertanggungjawab dalam memastikan dasar ini dilaksanakan dan dipatuhi.

## **10. TANGGUNGJAWAB UNIT PENGURUSAN KOLEKSI KHAS, SEKTOR SUMBER MAKLUMAT PENYELIDIKAN**

- 10.1 Unit Pengurusan Koleksi Khas, Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) bertanggungjawab memberi pengelasan semua bahan terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan sistematik dan teratur bagi memudahkan dapatan semula bahan.
- 10.2 Unit Pengurusan Koleksi Khas, Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) bertanggungjawab menerima, memproses dan menyimpan semua bahan yang diserahkan di bawah Pusat Penyerahan Terbitan KKM sama ada dalam bentuk bercetak / bukan bercetak atau sama ada dalam bentuk salinan keras / salinan lembut. Bahan serahan ini akan disimpan Bilik Rujukan dan Bilik Simpanan Kekal Kementerian Kesihatan Malaysia (Pusat Repositori KKM).
- 10.3 Unit Pengurusan Koleksi Khas, Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) adalah Pusat Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan bertanggungjawab mengurus pelaksanaan perolehan bahan Harta Intelek Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 10.4 Unit Pengurusan Koleksi Khas, Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) bertanggungjawab menentukan bahan Harta Intelek Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dibuat pendigitalan dan dimuatnaik ke dalam Sistem Repositori untuk tujuan capaian secara atas talian atau elektronik.
- 10.5 Unit Pengurusan Koleksi Khas, Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) bertanggungjawab memastikan bahan terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang diterima dibuat pendigitalan untuk tujuan penyimpanan dan rujukan.
- 10.6 Unit Pengurusan Koleksi Khas, Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH) hendaklah menentukan penempatan bahan Harta Intelek bagi bahan asal dan yang diubah ke format digital.

## **11. KUASA KETUA PENGARAH KESIHATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Ketua Pengarah Kesihatan boleh pada bila-bila masa mengarahkan semakan / pindaan dibuat ke atas Dasar ini selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.

## **12. PENGEMASKINIAN DASAR**

Dasar ini perlu dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perubahan objektif kementerian dan keperluan sumber maklumat penyelidikan negara ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca, cintakan ilmu dan penyelidikan.

## **13. PEMAKAIAN DASAR**

Dasar ini hendaklah digunakan bersama Garis Panduan Nombor Pengelasan dan Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia

## **14. TARIKH KUAT KUASA**

Dasar ini akan berkuatkuasa pada Mac 2023.

# **GARIS PANDUAN NOMBOR PENGELASAN DAN PENYERAHAN TERBITAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

## **1. TUJUAN**

Garis panduan ini adalah bertujuan menjelaskan penambahbaikan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan, Bilangan 2 Tahun 1992 dan Bilangan 3 Tahun 1996 dalam proses penerbitan agensi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 KKM menerbitkan pelbagai bahan terbitan yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kesihatan dan perubatan negara melalui semua bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawahnya.
- 2.2 Setiap terbitan baharu oleh bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah KKM dikehendaki memohon Nombor Pengelasan daripada Pusat Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut arahan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan, Bilangan 3 Tahun 1996 (Penerbitan Kementerian Kesihatan Malaysia).
- 2.3 Permohonan nombor pengelasan ini adalah bagi memudahkan bahan terbitan kementerian ini dikumpul sebagai depositori dan pengaksesan semula bahan berkenaan untuk mengekal, memperkasa dan memelihara hasil penyelidikan dalam bidang perubatan dan kesihatan negara sejajar dengan Surat Pekeliling Pengarah Kesihatan Malaysia, Bilangan 2 Tahun 1992 (Pusat Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan).
- 2.4 Berdasarkan pekeliling Bilangan 2 Tahun 1992 dan Bilangan 3 Tahun 1996, urusan permohonan nombor pengelasan dan penyerahan bahan terbitan KKM telah dipertanggungjawabkan kepada Perpustakaan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR). Walau bagaimanapun, setelah penggabungan 6 institusi di bawah KKM pada tahun 2019, tanggungjawab ini dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Koleksi Khas, Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH), Institut Kesihatan Negara (NIH).

### **3. PERMOHONAN NOMBOR PENGELASAN TERBITAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

- 3.1 Cara Permohonan Nombor Pengelasan oleh bahagian/jabatan/agensi/institusi perlu dimohon melalui pautan yang boleh diakses melalui portal Perpustakaan Institut Kesihatan Negara.
- 3.2 Setiap terbitan bahagian/jabatan/agensi/institusi di bawah KKM mesti dinomborkan mengikut standard yang ditetapkan dalam dasar ini.

#### **3.3 Nombor Pengelasan**

3.3.1 Nombor Pengelasan terdiri daripada:

- (a) Kementerian;
- (b) Program;
- (c) Jabatan/Institusi/Agenzi;
- (d) Nombor siri;
- (e) Tahun;
- (f) Jenis penerbitan; dan
- (g) Bahan Eletronik (-e)

3.3.2 Penjelasan pengelasan adalah seperti berikut:

- (a) **Pengelasan pertama** bagi menunjukkan terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia dengan menggunakan singkatan **MOH**.
- (b) **Pengelasan kedua** bagi menunjukkan Program:

BIL.	PROGRAM	SINGKATAN
1	Perubatan	P
2	Kesihatan Awam	K
3	Penyelidikan dan Sokongan Teknikal	S
4	Kesihatan Pergigian	G
5	Perkhidmatan Farmasi	F
6	Keselamatan dan Kualiti Makanan	M
7	Pengurusan (Pentadbiran / Kewangan / Sumber Manusia / Pengurusan Latihan / Pengurusan Maklumat / Pembangunan Kompetensi)	T

- (c) **Pengelasan ketiga** bagi menunjukkan bahagian / jabatan institusi / agensi yang bertanggungjawab mengeluarkan terbitan seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>JABATAN/INSTITUSI/AGENSI</b>	<b>SINGKATAN</b>
1	Bahagian Amalan Perubatan	<b>AMA</b>
2	Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga	<b>ASA</b>
3	Bahagian Kejururawatan	<b>BKT</b>
4	Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM	<b>BKP</b>
5	Bahagian Perubatan Tradisional Dan Kontemporari	<b>BPTK</b>
6	Bahagian Pengurusan Latihan	<b>BPL</b>
7	Bahagian Sains Bersekutu Kesihatan	<b>BSKB</b>
8	Bahagian Pemakanan, KKM	<b>BPM</b>
9	Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan,	<b>BPKJ</b>
10	Institute For Clinical Research	<b>ICR</b>
11	Bahagian Pendidikan Kesihatan	<b>DID</b>
12	Bahagian Kawalan Penyakit	<b>EPI</b>
13	Bahagian Perkhidmatan Farmasi	<b>FAR</b>
14	Jawatankuasa Teknikal Fisioterapi	<b>FIS</b>
15	Bahagian Kesihatan Pergigian	<b>GIG</b>
16	Hospital Kuala Lumpur	<b>HKL</b>
17	Institut Penyelidikan Perubatan	<b>IMR</b>
18	Institut Kesihatan Umum	<b>IKU</b>
19	Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan	<b>IHSR</b>
20	Institut Pengurusan Kesihatan	<b>IPK</b>
21	Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan	<b>IPTK</b>
22	Institut Kanser Negara	<b>IKN</b>
23	Jabatan Kesihatan Negeri Johor	<b>JOH</b>
24	Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan	<b>KEL</b>
25	Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	<b>KED</b>
26	Jabatan Kesihatan Negeri Melaka	<b>MEL</b>
27	Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan	<b>MAK</b>
28	National Institutes of Health	<b>NIH</b>
29	Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan	<b>NS</b>
30	National Heart Association of Malaysia	<b>NHAM</b>
31	Jabatan Kesihatan Pulau Pinang	<b>PP</b>
32	Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	<b>PAH</b>
33	Jabatan Kesihatan Negeri Perlis	<b>PEL</b>
34	Jabatan Kesihatan Negeri Perak	<b>PK</b>
35	Pusat Darah Negara	<b>PDN</b>
36	Bahagian Perkembangan Perubatan	<b>PAK</b>
37	Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM	<b>PM</b>
38	Bahagian Perancangan	<b>RAN</b>
39	Bahagian Kawal Selia Radiasi Kesihatan	<b>RAD</b>

BIL	JABATAN/INSTITUSI/AGENSI	SINGKATAN
40	Jabatan Kesihatan Negeri Sabah	SAB
41	Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak	SAR
42	Jabatan Kesihatan Negeri Selangor	SEL
43	Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu	TRE
44	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan)	TKPK(P)
45	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan (K. Awam)	TKPK(KA)
46	Unit Komunikasi Korporat	UKK

- (d) **Pengelasan Keempat** menunjukkan nombor pengelasan bagi semua terbitan keluaran bahagian/jabatan/institusi/agensi yang tersebut di atas. Penjanaan nombor pengelasan ini mengambil kira jumlah terbitan sejak sistem pengelasan ini dimulakan (kumulasi).
- (e) **Pengelasan kelima** menunjukkan tahun terbitan.
- (f) **Pengelasan keenam** menunjukkan jenis bahan terbitan:

BIL.	JENIS BAHAN TERBITAN	SINGKATAN
1	Surat-Surat Pekeliling	CL
2	Garis Panduan	GU
3	Buku / Monograf	BK
4	Buku Panduan	HB
5	Prosiding Mesyuarat, Persidangan dan Bengkel	PR
6	Laporan Tahunan	AR
7	Kawalan Mutu Perkhidmatan	QAP
8	Terbitan ISO 9000	ISO
9	Laporan Penyelidikan	RR
10	Risalah	PT
11	Ilustrasi (Seperti Bahan-Bahan Pendidikan Kesihatan)	IL
12	Jurnal (Yang Dikeluarkan Dalam Jangkamasa Tetap)	JL
13	Buletin (Yang Dikeluarkan Dalam Jangkamasa Tetap)	BUL
14	Rakaman Video, Rakam Suara Dan Filem	VR
15	Slaid dan Transparensi	SL
16	Mikrofilem dan Mikrofis	MF
17	Perisian dan Fail Komputer	CO
18	Kertas-kertas Kajian Semula	WP
19	Aktiviti Semasa dan Pertukaran	NS
20	Inovasi	IN

BIL.	JENIS BAHAN TERBITAN	SINGKATAN
21	Laporan Teknikal	TR
22	Borang Permohonan	FM
23	Dasar	BP
24	Bibliografi	BIB

- (g) **Pengelasan ketujuh** menunjukkan bahan elektronik yang diletakkan tanda (-e) pada bahagian terakhir nombor pengelasan.

### 3.3.3 Contoh Pengelasan

Contoh Nombor Pengelasan Terbitan adalah seperti Rajah 1 di bawah:

Penerbitan	Nombor Pengelasan Terbitan (Bercetak)	Nombor Pengelasan Terbitan (Tidak Bercetak)
Laporan Tahunan 1997 Perkhidmatan Pemindahan Darah Hospital Kuala Lumpur	 MOH/P/HKL/25.98(AR)	<b>MOH/P/HKL/25.98(AR)-e</b>  

### 3.4 Kedudukan Nombor Pengelasan

Nombor pengelasan hendaklah dipamerkan dengan jelas di sudut atas sebelah kanan mukasurat depan setiap bahan terbitan. Bagi terbitan yang berkulit tebal pengelasan hendaklah dipamerkan di sudut atas sebelah kanan muka surat pertama (muka surat tajuk).

### 3.5 Kenyataan Edaran

Penyataan edaran hendaklah ditunjukkan di bawah nombor pengelasan seperti berikut:

**EDARAN : UMUM/TERHAD/SULIT**

## 4. PUSAT PENYERAHAN TERBITAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- 4.1 Semua terbitan yang dicetak hendaklah diserahkan sebanyak **dua (2) naskhah** dalam masa dua (2) minggu selepas diterbitkan kepada Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH), Institut Kesihatan Negara (NIH) sebagai Pusat Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia dan **lima (5) naskhah** kepada Perpustakaan Negara Malaysia (di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986) bagi bahan bercetak,

manakala bahan dalam bentuk tidak bercetak atau bahan asal digital (*born digital*) perlu diserahkan sebanyak masing-masing satu (1) unit kepada Pusat Penyerahan Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia dan satu (1) lagi kepada Perpustakaan Negara Malaysia dalam bentuk **CD/pautan URL/e-buku/bentuk digital terkini.**

- 4.2 Pusat Repositori Terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia ditempatkan di Sektor Sumber Maklumat Penyelidikan (Perpustakaan NIH), Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, Setia Alam, Selangor.